



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PENGARUH SIKAP, KESEDIAAN DAN EFIKASI-KENDIRI
GURU TERHADAP PELAKSANAAN KOMUNITI
PEMBELAJARAN PROFESIONAL (KPP)**

*THE INFLUENCE OF TEACHER'S ATTITUDE, READINESS AND SELF-
EFFICACY ON PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY (PLC)*

Adriana Muhamad Akhir^{1*}, Muhamad Suhaimi Taat², Syahrul Nizam Salam³

- ¹ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: adrena625@gmail.com
- ² Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: suhaimi@ums.edu.my
- ³ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: insantakwa@yahoo.com
- * Corresponding Author

Article Info:
Article history:
Received date: 23.03.2020
Revised date: 19.07.2020
Accepted date: 09.11.2020
Published date: 08.12.2020
To cite this document:
Akhir, A. M., Taat, M. S., & Salam, S. N. (2020). Pengaruh Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Terhadap Komuniti pembelajaran Profesional. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 76-89.
DOI: 10.35631/IJMOE.27006
This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:
Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengaruh secara langsung dan tidak langsung sikap, kesiediaan dan efikasi-kendiri guru terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) guru-guru sekolah menengah di negeri Sabah. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 360 orang guru telah terpilih sebagai responden kajian ini. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data kajian. Analisis data pula adalah dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 25.0* dan *AMOS*. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi dan peratus serta statistik inferensi yang melibatkan ujian regresi berganda dan analisis laluan SEM. Keputusan analisis laluan model struktur menunjukkan ketiga-tiga variabel peramal mempengaruhi secara signifikan ke atas variabel kriteria iaitu KPP sebanyak 18.8%. Efikasi-kendiri guru dilihat mempunyai pengaruh secara langsung paling besar terhadap pelaksanaan KPP iaitu dengan nilai beta=0.30. Implikasi utama kajian ini ialah cadangan agar dapat ditingkatkan tahap sikap dan kesiediaan guru terhadap pelaksanaan KPP agar guru-guru sentiasa mempunyai efikasi-kendiri yang tinggi. Kajian ini diharap dapat membantu merangka dasar-dasar baharu berkaitan dengan pembangunan profesionalisme guru.

Kata Kunci:

Sikap, Kesiapan, Efikasi, Komuniti, Profesional

Abstract:

The purpose of this study was to examine the direct and indirect effects of teacher's attitude, readiness, and self-efficacy on the implementation of the Professional Learning Community (PLC) at urban secondary school teachers in Sabah. Quantitative studies using the survey method were used in this study which involved the total number of 360 teachers as the respondents in this study. Questionnaires were used as the instrument to collect the data. The data obtained were analyzed through Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 25.0 and AMOS. The statistical analysis used were descriptive statistics involving frequency and percentage while inferential statistics involving multiple regression and SEM (path analysis) were used. The results of the structural model of path analysis showed that all three predictor variables were significantly affected by the criterion variable with 18.8%. Teacher's self-efficacy was found to have the greatest direct impact on the implementation of PLC with the beta value of 0.30. The implications of this study are to increase the level of attitude and readiness of teachers towards the implementation of PLC so that the teachers will possess a high level of self-efficacy. It is hoped that this study will help to formulate new policies related to teacher professionalism development.

Keywords:

Attitude, Readiness, Efficacy, Community, Profesional

Pengenalan

Pembangunan guru secara profesional dapat meningkatkan sikap positif, amalan dan sendiri dalam menambah baik sistem pendidikan negara. Ia amat berkait rapat dengan strategi guru dalam menangani cabaran kehidupan profesional mereka setiap hari dalam membentuk persekitaran pembelajaran untuk murid-murid mereka serta mempengaruhi motivasi dan pencapaian murid yang dapat meningkatkan konsep sendiri. Ini kerana, menurut Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang & Ghazali Hassan (2019) menyatakan sikap positif, dapat membentuk konsep sendiri dalam diri individu melalui sendiri positif yang dimiliki menerusi melalui pembelajaran yang terancang. Pendidikan di negara kita memerlukan perancangan yang sistematik, holistik dan rapi bagi menghadapi masa depan yang mencabar. Dalam kajian Kelleher (2003), perkembangan profesional paling berjaya apabila data diaplikasikan dalam kerja guru. Di sekolah-sekolah wujudnya hubungan yang kukuh di antara kurikulum dan pengajaran, di mana guru menunjukkan kejayaan berdasarkan masa yang diperuntukkan bagi kajian kolaboratif mereka. Guru yang bekerja bersendirian jarang mengubah amalan pengajaran dan, akibatnya ia telah meluaskan jurang penyelidikan ke amalan (Greenwood & Maheady, 2001).

Kajian oleh Bandura (1997) menerangkan tingkah laku dipengaruhi oleh proses kognitif individu, dan persekitaran, melalui rangsangan sosial luar. Walaupun tingkah laku dikawal atau ditentukan oleh individu, manusia mempunyai kecenderungan untuk memilih aktiviti yang mampu dilakukan berdasarkan efikasi-kendiri mereka (Bandura, 1986). Impak efikasi-kendiri dapat dilihat melalui keinginan seseorang untuk melakukan tindakan dan menentukan tahap

usaha yang ditunjukkan. Ia mempengaruhi kesanggupanan seseorang walaupun berhadapan dengan halangan (Bandura, 1997). Memandangkan potensi efikasi-kendiri guru mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar, adalah perlu bagi ahli-ahli komuniti pendidikan memahami faktor-faktor yang mungkin dapat meningkatkan atau menghalang kepercayaan ini (Gladys & Muhamad Suhaimi, 2015). Salah satu faktor ini ialah pengembangan pembelajaran dan amalan guru, melalui pembangunan profesional (Bruce & Ross, 2008; Agatha & Muhamad Suhaimi, 2016).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti pengaruh sikap dan kesediaan guru terhadap efikasi sendiri guru.
2. Menganalisis pengaruh sikap, kesediaan guru dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).
3. Menentukan sama ada terdapat pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan variabel Sikap, Kesediaan dan Efikasi-kendiri guru terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis yang dibina untuk menjawab objektif kajian, iaitu:

H₀₁ Tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap dan kesediaan guru terhadap efikasi sendiri guru.

H₀₂ Tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap, kesediaan guru dan efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional.

H₀₃ Tidak terdapat pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan variabel Sikap, Kesediaan Guru dan Efikasi-kendiri guru terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

Kajian Lepas

Ross dan Bruce (2007) mengkaji impak program pembangunan profesional dalam subjek matematik ke atas efikasi-kendiri guru. Kajian dijalankan berdasarkan teori efikasi-kendiri Bandura (1977), menonjolkan empat sumber utama informatif dari mana kepercayaan efikasi dibina: pengalaman penguasaan enaktif yang mana individu dapat mengukur keupayaan mereka; perubahan pengalaman yang memberikan maklumat perbandingan individu untuk digunakan dalam menilai kecekapan mereka; persuasi lisan yang mungkin digunakan oleh orang lain untuk membantu meyakinkan seseorang bahawa dia mempunyai keupayaan untuk melakukan tugas tertentu; dan keadaan fisiologi dan afektif yang berfungsi sebagai penunjuk keupayaan lain (Bandura, 1977). Penemuan ini memperakui perkembangan profesional memainkan peranan penting dalam pembangunan pengetahuan guru dan kemahiran (Ross & Bruce, 2007).

Latihan dalam organisasi adalah suatu proses ke arah peningkatan dalam aspek pengetahuan, perkembangan kemahiran, perubahan tingkah laku, sikap dan mempertingkatkan kebolehan

bagi menjalankan tugas agar lebih efisien dan berkesan. KPP adalah merupakan salah satu langkah bagi meningkatkan kejayaan dalam profesion keguruan. Latihan yang diberikan mampu mengubah sikap individu, meningkatkan kemahiran, serta kompetensi terhadap tugas mereka dalam sesebuah organisasi. Tan Kwang (2002) menyatakan bahawa latihan bagi subordinat baru dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran teknikal, kemahiran sosialisasi, budaya dalam organisasi, nilai, personaliti dan prestasi kerja. Armstrong (2001) mendapati latihan untuk guru-guru adalah salah satu proses pembelajaran dalam meningkatkan tingkah laku, pengetahuan, kemahiran dan kompetensi terhadap tugas yang dilakukan. Apatah lagi guru masa kini dituntut untuk menguasai pelbagai kemahiran yang berkaitan dengan pendidikan abad ke-21 (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018a) dan juga meningkatkan kemahiran pemupukan kreativiti dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Jaggil & Muhamad Suhaimi, 2018b).

Efikasi-kendiri merujuk kepada persepsi sendiri guru atau andaian guru terhadap kecekapan yang akan dihasilkannya jika dibandingkan dengan kecekapan sebenar yang dimilikinya. Persepsi sendiri dapat membantu guru mampu memberi kesan terhadap tindakan yang akan dilakukannya dalam melaksanakan sesuatu tugas. Shidler (2009) mendapati guru yang berefikasi tinggi lebih mudah untuk menerima idea-idea baru dan cenderung dalam menggunakan pendekatan serta strategi baru dalam pengajaran. Menurut Suhaimi dan Agatha (2020) antara pendekatan baharu yang boleh digunakan adalah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian yang boelh dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

Kajian oleh Hoy dan Woolfolk (1993) membezakan antara dua jenis kepercayaan terhadap efikasi, mendefinisikan efikasi pengajaran am sebagai penilaian seseorang individu yang mampu mendapatkan hasil perkembangan murid walaupun murid itu tersebut adalah paling sukar atau tidak bermotivasi. Mereka turut mendefinisikan efikasi pengajaran peribadi sebagai petunjuk yang lebih tepat bagi seorang guru yang mempunyai efikasi peribadi (Simon, 2015). Mereka juga menyatakan bahawa kedua-dua bentuk efikasi mesti diukur secara individu. Simon (2015), mendapati hubungan positif antara pengajaran dan efikasi-kendiri, tetapi tidak ada hubungan dilihat dengan efikasi pengajaran umum. Selain itu, kualiti pengajaran tenaga pengajar juga akan mempengaruhi kepuasan pembelajaran seseorang pelajar (Mazni, Roslee & Muhamad Suhaimi, 2019).

Teori pembelajaran dewasa Malcom Knowles terkenal dalam dunia pendidikan sebagai konsep mengapa dan bagaimana orang dewasa belajar (Harper & Ross, 2011). Pengajaran dewasa kebiasaannya melibatkan kaedah kuliah (Khalid, Muhamad Suhaimi & Asma 2018b) selain kaedah lain seperti perbincangan yang memerlukan aras pemikiran yang lebih tinggi (Khalid, Muhamad Suhaimi & Asma, 2018a). Andaian Knowles mengenai pelajar dewasa adalah berdasarkan tumpuan mereka terhadap pembelajaran sendiri dan pengalaman hidup yang berfungsi sebagai sumber maklumat. Seterusnya, fokus orang dewasa adalah pada pembelajaran berpusatkan masalah dan motivasi dalaman untuk belajar (Linder, Post & Calabrese, 2012). Dengan mempunyai arahan-kendiri dan motivasi dalaman, pelajar dewasa dapat melibatkan diri dan memahami sepenuhnya apa yang mereka pelajari dan bagaimana impak tersebut ke atas mereka.

Definisi Operasional

Komuniti Pembelajaran Profesional

Komuniti pembelajaran profesional (KPP) berfungsi sebagai model untuk kolaborasi guru dan pembelajaran dalam kumpulan, berhubung kait dengan beberapa aspek kepuasan kerja seperti hubungan rakan sekerja dan komitmen yang menyeluruh untuk memenuhi keperluan setiap pelajar dan galakan dari pasukan pembelajaran apabila implikasi terhadap perubahan pengajaran berlaku seperti dalam kajian (Strickland, Ganske, & Monroe, 2002).

Sikap Guru

Dalam kajian Thibaut, Knipprath, Dehaene & Depaepe (2017) merujuk kepada definisi sikap yang dinyatakan oleh Koballa (1988) bahawa sikap sebagai perasaan terhadap objek, iaitu komponen afektif. Menurut beliau, sikap berbeza dari kepercayaan, yang mewakili maklumat komponen kognitif individu (Fishbein & Ajzen, 1975; Koballa, 1988).


Kesediaan Guru

Kesediaan merujuk kepada sikap positif yang paling penting bagi ahli organisasi terhadap perubahan inisiatif (Raferty, Jimmieson, dan Armenakis, 2013). Sikap ahli organisasi pada umumnya boleh dilihat pada permulaan inisiatif perubahan (Helfrich et al., 2011) dan boleh berubah secara dramatik (Cameron dan Quinn, 2006). Oleh kerana KPP memerlukan semua ahli sekolah bekerjasama dalam budaya kolaborasi (DuFour, 2004), kesediaan untuk perubahan adalah penting dan mesti dipertimbangkan (Cameron dan Quinn, 2006; Fullan, 1985). Ini kerana menurut Norin Farizah Mohd Nuin, Abdul Said Ambotang, & Syahrul Nizam Salam (2020) perubahan pengurusan yang baik dapat meningkatkan kualiti pengurusan di sekolah.

Efikasi Kendiri Guru

Menurut Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001) mendefinisikan efikasi sendiri guru sebagai sebagai pertimbangan guru atau keupayaan mereka untuk melihat hasil pembelajaran murid. Tahap positif bagi efikasi sendiri guru dikenal pasti sebagai faktor yang memainkan peranan yang besar dan konsisten dalam menghasilkan guru yang berjaya (Chaco'n, 2005; Muhamad Suhaimi & Gladys, 2014)). Dalam konteks pendidikan, kepercayaan guru terhadap keupayaan diri dalam mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian murid dirujuk sebagai efikasi guru. Kajian Osman Said, Mohd. Nasir Rayung, Syahrul Nizam Salam & Abdul Said Ambotang (2020) menunjukkan sendiri dalam kalangan guru dapat meningkatkan kemhairan, pengetahuan dan sikap guru di sekolah.

Kerangka Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif ini dapat memberi penerangan dan penjelasan tentang hubungan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru-guru di negeri Sabah. Dalam konteks penyelidikan ini, reka bentuk menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan yang bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi dan sampel kajian.

Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul maklumat dengan menggunakan soal selidik daripada bilangan responden yang ramai yang melibatkan pensampelan terhadap pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat iaitu sikap guru, kesediaan guru dan efikasi-kendiri guru terhadap pembangunan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru-guru di Sabah. Kajian berbentuk kuantitatif ini sesuai dengan skop kajian yang luas dan lebih banyak maklumat boleh diperolehi serta maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh digunakan untuk menjawab pelbagai persoalan dalam kajian (Gazali Darusalam dan Sufean, 2016).

Populasi dan Sampel Kajian

Bilangan populasi kajian melibatkan guru lelaki dan perempuan adalah seramai 5000 orang guru di negeri Sabah. Selain itu, sampel kajian adalah sebahagian daripada populasi yang mewakili keseluruhan populasi yang dikaji dan prosedur pensampelan adalah kaedah yang digunakan dalam pemilihan sampel kajian (Ghazali et al., 2016). Dalam konteks kajian ini penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan jadual pensampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh kerana jumlah populasi kajian seramai 5000 orang guru, maka saiz sampel yang dicadangkan adalah antara 361 hingga 364 orang. Walau bagaimanapun selepas melalui saringan prosedur pensampelan, jumlah sampel untuk tujuan kajian sebanyak 360 responden yang ditelah dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan kluster dan rawak mudah.

Analisis Data

Menurut kajian Bhasah (2007), analisis data merupakan suatu kaedah mengawal dan mempersempit data secara prosedur statistik. Analisis data ini dibuat adalah untuk menjawab semua persoalan kajian atau hipotesis yang berkaitan dengan objektif, yang telah ditetapkan di dalam borang soal selidik. Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik ini dikod dan diproses oleh penyelidik dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi dan peratus serta analisis inferensi iaitu melibatkan ujian regresi berganda dan analisis laluan (model struktur).

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Jadual 1.1 menunjukkan taburan responden mengikut ciri demografi yang sampel kajian yang terlibat. Analisis data demografi dibuat berdasarkan maklum balas umum yang diterima daripada data sampel. Ciri-ciri demografi responden dalam kajian ini meliputi empat kategori utama iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik tertinggi yang

dibentangkan dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Berikut adalah perincian ciri demografi responden berdasarkan data kajian seperti dalam rajah 1.1:

Jadual 1.1 : Demografi Responden

Demografi	Pemboleh Ubah	Kekerapan (F)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	132	36.7
	Perempuan	228	63.3
Umur Guru	25 hingga 30 tahun	41	12.5
	31 hingga 35 tahun	133	36.7
	36 hingga 40 tahun	84	23.2
	41 hingga 50 tahun	86	23.6
	51 tahun ke atas	16	4.0
Pengalaman Mengajar Guru	0-5 tahun	19	6.1
	6-10 tahun	91	24.7
	11-15 tahun	164	45.2
	16-20 tahun	75	21.0
Kelulusan Akademik Tertinggi	Ijazah Sarjana Muda	306	85.0
	Ijazah Sarjana	54	15.0

Jadual 1.1 menunjukkan daripada 360 orang responden, seramai 132 orang guru lelaki (36.7%) dan seramai 228 orang guru perempuan (63.3%) mengikut jantina. Data menunjukkan umur responden dalam 25 hingga 30 tahun adalah seramai 41 orang (12.5%), responden yang berumur 31 hingga 35 tahun seramai 133 (36.7%), responden yang berumur 36 hingga 40 adalah seramai 84 orang (23.2%), dan responden yang berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 86 orang (23.6%), manakala responden yang berumur 51 tahun ke atas adalah seramai 16 orang iaitu (4%). Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan seramai 19 orang responden (6.1%) mempunyai pengalaman mengajar di antara 0 hingga 5 tahun, seramai 91 responden (24.7%) mempunyai pengalaman mengajar di antara 6 hingga 10 tahun, seramai 164 orang responden (45.2%) mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun, manakala seramai 75 orang responden (21%) mempunyai pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun, dan seramai 11 orang responden kajian (3%) mempunyai pengalaman mengajar lebih 21 tahun ke atas. 306 responden (85%) mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan seramai 54 orang responden (15%) mempunyai Ijazah Sarjana.

H₀₁ Tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap dan kesediaan guru terhadap Efikasi Kendiri Guru

Berdasarkan jadual 1.2, variabel kriteria ialah efikasi guru yang juga bertindak sebagai mediator dalam kajian ini, manakala variabel peramal ialah sikap dan kesediaan guru. Peramal kesediaan guru menyumbang sebanyak 11.5 % varian ($R^2=.115$, $\beta=.386$, $p<.05$).

Jadual 1.2 : Analisis Pengaruh Sikap dan Tahap Kesiediaan Guru Terhadap Efikasi Kendiri Guru

Variabel	B	T	P
Sikap	.090	1.773	.077
Kesediaan guru	.322	6.360	.000

Maklumat	
Sikap	Kesediaan Guru
p > .05	P < .05
R ² = .008	R ² = .115
AR ² = .117	AR ² = .112
F = 3.142	F = 45.925
p = .077	p = .000

Oleh itu, hipotesis nol (Ho1) iaitu tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap dan kesediaan guru dengan efikasi guru adalah ditolak.

H₀₂ Tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap, kesediaan guru dan efikasi terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional.

Berdasarkan jadual 1.3, variabel kriteria ialah komuniti pembelajaran profesional (KPP), manakala variabel peramal ialah sikap, kesediaan dan efikasi guru. Secara keseluruhannya ketiga-tiga variabel peramal mempengaruhi dengan signifikan variabel kriteria sebanyak 18.8%. Secara terperinci pula, keputusan yang diperolehi menunjukkan secara signifikan, peramal efikasi guru, (F= 45.925, p<0.5) menyumbangkan sebanyak 13.9% varian (R²=.139) (β=.299, p<.05). Manakala peramal sikap, (F= 11.952, p<0.5) menyumbangkan sebanyak 2.9% varian (R²=.168) (β=.149, p<.05).

Jadual 1.3 : Analisis Pengaruh Sikap, Kesiediaan dan Efikasi Guru Terhadap Pelaksanaan (KPP)

Variabel	B	T	P
Efikasi guru	.170	3.457	.001
Sikap	.177	3.441	.001
Kesiediaan guru	.155	3.015	.003

Maklumat		
Efikasi-Kendiri	Sikap	Kesiediaan
p<.05	p<.05	p<.05
R ² = .139	R ² = .168	R ² = .188
AR ² = .137	AR ² = .163	AR ² = .182
F = 57.528	F = 11.952	F = 9.089
p = .000	p = .001	p = .003

Selain itu, dapat dilihat peramal kesiediaan pula menyumbangkan sebanyak 2% varian ($R^2=.188$) ($\beta=.155$, $p<.05$) dan Oleh itu, hipotesis nol (H_0^2) iaitu tidak terdapat pengaruh yang signifikan sikap, kesiediaan guru dan efikasi guru terhadap komuniti pembelajaran profesional (KPP) adalah ditolak.


H₀₃ Tidak terdapat pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan variabel Sikap, Kesiediaan Guru dan Efikasi-kendiri guru terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP).

Berdasarkan jadual 1.4, adalah keputusan ujian analisis laluan model struktur menunjukkan *Goodness of Fit Index* (GFI)=1.000, dan ukuran Adjusted Goodness of Fit Index (AGFI) =1.000. Kesemua jenis ukuran penilaian yang digunakan menunjukkan bahawa data yang digunakan dalam kajian ini terbukti mempunyai penyesuaian munasabah bagi model yang dicadangkan.

Jadual 1.4 : Pengukuran Penyesuaian Model

Bil	Aspek Pengukuran	Pekali/Indeks
1	<i>Comparative Fit Index (CFI)</i>	1.000
2	<i>Normed Fit Index (NFI)</i>	1.000
3	<i>Relative Fit Index (RFI)</i>	1.000
4	<i>Incremental Fit Index (IFI)</i>	1.000
5	<i>Tucker-Lewis Index (TLI)</i>	1.000

Maka H_0^3 iaitu ‘Tidak terdapat pengaruh secara langsung atau tidak langsung yang signifikan Sikap, Kesiediaan dan Efikasi-Kendiri Guru terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP)’ adalah ditolak. Analisis pengukuran bagi model yang dicadangkan boleh dirujuk pada Jadual 1.4 dan Rajah 1.2.



Rajah 1.2 : Model Analisis Laluan Pengaruh dan Hubungan Variabel-variabel Bebas Terhadap Variabel Bersandar

Berdasarkan rajah 1.2, keputusan analisis laluan model struktur menunjukkan bahawa model regresi yang dicadangkan adalah sesuai, di mana variabel kesemua variabel bebas menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap variabel bersandar kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5 berikut.

Jadual 1.5 : Analisis Laluan

			<i>B</i>	<i>S.E</i>	<i>C.R.</i>	<i>P</i>
Efikasi	<---	Kesediaan	.386	.061	6.378	.001
Efikasi	<---	Sikap	.125	.070	1.778	.075
KPP	<---	Efikasi	.345	.059	5.864	.001
KPP	<---	Sikap	.239	.078	3.046	.002
KPP	<---	Kesediaan	.215	.071	3.028	.002

Secara keseluruhannya, keputusan analisis laluan model struktur menunjukkan bahawa nilai varians dalam variabel bersandar komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang diramalkan oleh variabel-variabel bebas yang terlibat ialah 0.19. Maka menunjukkan bahawa 19% varians dalam komuniti pembelajaran profesional (KPP) diramalkan oleh kesemua variabel bebas kajian. Justeru bererti terdapat 0.79 atau 79% varians dalam variabel komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang tidak dapat diramalkan oleh model regresi ini. Varians ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor luar lain yang tidak dikenali melalui kajian ini.

Jadual 1.6 : Kesan Langsung Variabel Bebas Terhadap Variabel Bersandar

	Sikap	Kesediaan	Efikasi
KP			
P	.149	.155	.299

Jadual 1.7 : Kesan Tidak Langsung Variabel Bebas Terhadap Variabel Bersandar

	Sikap	Kesediaan	Efikasi
KP	.027	.096	.000
P			

Selain itu, berdasarkan jadual 1.6 dan jadual 1.7, dapatan kajian menunjukkan kesesuaian variabel Efikasi sebagai variabel mediator yang dicadangkan dalam kajian ini kerana terdapat kesan tidak langsung yang signifikan variabel Sikap dan Kesediaan terhadap variabel Komuniti Profesional Pembelajaran (KPP) seperti yang ditunjukkan dalam keputusan kajian. Justeru menunjukkan bahawa variabel Efikasi-kendiri guru menyebabkan kesan mediasi penuh (*full mediation*) kerana pada asalnya kesan langsung variabel peramal Sikap dan Kesediaan terhadap variabel kriteria (Palaksanaan KPP) adalah signifikan, namun setelah melalui variabel Efikasi-kendiri, kesanya adalah tidak signifikan.

Rumusan

Kajian ini adalah bagi menentukan hubungan serta pengaruh sikap, kesediaan dan efikasi guru terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional (KPP). Kajian ini juga dijalankan bagi mengukur peranan efikasi guru sebagai variabel mediator dalam hubungan antara variabel-variabel bebas dengan variabel bersandar iaitu komuniti pembelajaran profesional (KPP). Sebanyak 387 set soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden kajian diproses dan dianalisis menggunakan persian SPSS versi 23.0 dan perisian AMOS. Analisis data kuantitatif yang dijalankan merangkumi analisis profil responden, ujian kenormalan data kajian, analisis deskriptif, analisis inferensi dan analisis Model persamaan Struktural (SEM). Ringkasan keputusan dan dapatan kajian yang telah diperoleh adalah seperti berikut:

Jadual 1.8 : Ringkasan Dapatan Kajian

Hipotesis	Ujian	Signifikan	Keputusan
H ₀₁	Regresi Berganda	p<0.05	Ditolak
H ₀₂	Regresi Berganda	p<0.05	Ditolak
H ₀₃	Analisis Laluan Struktur	p<0.05	Ditolak

Kesimpulan

Analisis secara deskriptif digunakan untuk mendapatkan kekerapan dan peratus untuk variabel demografi seperti jantina, umur guru, pengalaman mengajar guru dan kelayakan tertinggi akademik guru yang meliputi sikap seorang guru, kesediaan dan serta efikasi sendiri guru terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional (KPP). Data yang telah di peroleh melalui kesemua item dalam soal selidik dan telah dianalisis menggunakan perisian Statistical for Social Science (SPSS) Version 23 for Windows. Analisis statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah regresi berganda dan analisis laluan (model struktur) yang mana regresi berganda digunakan untuk melihat pengaruh sikap dan kesediaan terhadap efikasi guru serta pengaruh sikap, kesediaan dan efikasi guru terhadap pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional (KPP). Dapatan kajian mendapati tiga hipotesis nul kajian telah ditolak iaitu hipotesis nol 1, hipotesis nol 2 dan hipotesis nol 3. Secara umumnya, kajian ini telah mencapai objektif kajian bagi menjawab kesemua objektif kajian dan hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk oleh pengkaji dengan bukti statistik yang telah diperolehi melalui analisis kesemua data yang berkaitan dengan kajian ini.

Rujukan

- Armstrong, M. (2001). *A Handbook of Human Resource Management Practice*. Kogen page.
- Agatha Francis Umbit & Muhamad Suhaimi Taat. (2016). The Effects Of Expectations And Satisfaction Towards E-Learning Among Students. *Journal Of Modern Education Review*. Jil. 6. 9. 603-611.
- Bruce, C. & Ross, J. (2008). A model for increasing reform implementation and teacher efficacy: Teacher peer coaching in grade 3 and 6 mathematics. *Canadian Journal of Education*, 31(2), 346-370.
- Cameron, K. S. & Quinn, R. E. (2006). *Diagnosing and Changing Organizational Culture: Based on the Competing Values Framework*. Revised ed. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Chaco'n, C. T. (2005). Teachers' perceived efficacy among English as a foreign language teacher in middle schools in Venezuela. *Teaching and Teacher Education*, 21, 257-272.
- Darling-Hammond, L., & McLaughlin, M. W. (1995). Policies that support professional development in an era of reform. *Phi Delta Kappan*, 76(8), 597-604.
- Desimone, L. M. (2009). 'Improving Impact Studies of Teachers' Professional Development: Toward Better Conceptualizations and Measures'. *Educational Researcher*, 38(3), pp. 181-199. doi: 10.3102/0013189X08331140.
- DuFour, R., & Eaker, R. (2008). *Professional Learning Communities at Work: Best Practices for Enhancing Student Achievement*. Bloomington, IN: National Educational Service.
- DuFour, R.P. (2003). Building a professional learning community. *School Administrator*, 60(5), 13-18.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief; attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Gladys De Rozario & Muhamad Suhaimi Taat. (2015). The Influence Of Learning Environment And Academic Self-Efficacy Towards Mathematics Achievement In Masterskill Global College, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*. Jil. 1. 43-53.
- Guskey, T.R. (2000). *Evaluating Profesional Development*. California: Corvin Press Incorporated
- Greenwood, C. R., Maheady, L., & Delquadri, J. (2002). Classwide Peer Tutoring Programs. In M. R. Shinn, H. M. Walker, & G. Stoner (Eds.), *Interventions for academic and behavior problems II: Preventive and remedial approaches* (pp. 611-649). Washington, DC, US: National Association of School Psychologists.
- Harper, L., & Ross, J. (2011). An application of Knowles' theories of adult education to an undergraduate interdisciplinary studies degree program. *The Journal of Continuing Higher Education*, 59, 161-166. Retrieved
- Helfrich C. D., Stetler CB1, Damschroder L.J & Hagedorn H. J. 2011. A Guide for applying a revised version of the Promoting Action on Research Implementation in Health Services (PARIHS) framework for implementation
- Hoy, W.K. & Miskel, C.G. (2008). *Educational administration: Theory, research and practice*, 8th edition. Boston: McGraw-Hill.
- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. 2018. The Use of the Discussion Method at University: Enhancement of Teaching and Learning. *International Journal of Higher Education*. Jil. 7.6. 118-128
- Khalid Abdulbaki, Muhamad Suhaimi, Asmaa Alsaqqaf, Wafa Jawad. 2018. The Impact of Using The Lecture Method on Teaching English at University. *European Journal of Education Studies*. Jil. 4.5. 285-301

Linder, R. A., Post, G., & Calabrese, K. (2012). Professional learning communities: Practices for successful implementation. *Delta Kappa Gamma Bulletin*, 78(3), 13–22.

Marzano, R.J., Waters, T., & McNulty, B.A. (2005). *School Leadership that Works: From Research to Results*. Alexandria, Va. Association for Supervision and Curriculum Development.

Muhamad Suhaimi Taat, and Mohd Yusof Abdullah, and Baharom Mohamad, and Roslee Talip, and Abdul Said Ambotang, and Shukri Zain, (2012) *Guru: Mendepani cabaran dan realiti*. Utusan Borneo. B7.

Muhamad Suhaimi Taat, and Mohd Yusof Abdullah, and Baharom Mohamad, and Roslee Talip, and Abdul Said Ambotang, and Shukri Zain, (2012) *Guru: Mendepani cabaran dan realiti*. Utusan Borneo. B7.

Muhamad Suhaimi Taat & Agatha Francis. (2020). Factors Influencing The Students' Acceptance Of E-Learning At Teacher Education Institute: An Exploratory Study In Malaysia. *International Journal Of Higher Education*. Jil. 9. 1. 133-141

Muhamad Suhaimi Taat & Gladys De Rozario. (2014). The Influence Of Academic Attitude And Self-Efficacy Towards Students Achievement In Private Higher Learning Institution, Malaysia. *International Journal Of Arts And Commerce*. Jil. 1. 41-50.

Newmann FM, Wehlage GG. (1995). *Successful school restructuring: A report to the public and educators*. Madison, WI.

Nolan B. V. (2009). Tanning as an addictive behavior: a literature review.

OECD (2009). *Creating Effective Teaching and Learning Environments: First Results from TALIS*. Paris: OECD.

Norin Farizah Mohd Nuin, and Abdul Said Ambotang, and Syahrul Nizam Salam. (2020) Pengaruh motivasi dan kompetensi terhadap perubahan pengurusan data murid di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5 (34). pp. 116-125. ISSN 0128-164X

Osman Said, Mohd. Nasir Rayung, Syahrul Nizam Salam & Abdul Said Ambotang .(2020). Pengaruh Sikap Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru Terhadap Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 188-205

Pajares, F. (2001). Teachers' beliefs and educational research: Cleaning up the messy construct. *Review of Educational Research*, 62(3), 307-332.

Rafferty, A.E., Jimmieson, N.L. and Armenakis, A.A. (2013) Change Readiness: A Multilevel Review. *Journal of Management*, 39, 110-135. <https://doi.org/10.1177/0149206312457417>

Senge, P. (2012). *Creating the schools of the future: Education for a sustainable society*. Solutions, 3. <http://www.thesolutionsjournal.com/node/1116>

Shidler, L. (2009). The impact of time spent coaching for teacher efficacy on student achievement. *Early Childhood Educational Journal* 36, 453-460.

Simon Quattlebaum. (2015). *Evaluating Professional Development for Elementary School Teachers*. Walden University.

Strickland , Ganske, & Monroe. (2002). *Supporting Struggling Readers and Writers: Strategies for Classroom Intervention*, 3-6. Stenhouse Publishers.

Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman. (2018). Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3 (34),

- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman (2019). Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia*, 4(34), 16-29
- Thibaut, Knipprath, Dehaene & Depaepe (2017). The influence of teachers' attitudes and school context on instructional practices in integrated STEM education. *Teaching and Teacher Education* 71:190-205
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.